

11 JAN 2002

Mahathir-MAS/I

KERAJAAN PUNYAI BEBERAPA PILIHAN UNTUK BIAYAI PEMBELIAN ASET MAS

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Kerajaan mempunyai beberapa pilihan untuk membiayai pemilikan asetnya termasuk pesawat udara daripada Penerbangan Malaysia (MAS) berikutan langkah syarikat penerbangan negara itu untuk melupuskan aset-asetnya untuk RM6.1 bilion dalam usaha mengumpul dana untuk membayar balik hutang-hutangnya.

Pilihan yang ada termasuk pajakan, jualan semula aset, terbitan bon dan mengumpul dana, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini semasa menjawab soalan mengenai bagaimana kerajaan - melalui Minister of Finance Incorporated (MoF Inc) -- akan mengumpul wang RM6.1 bilion itu.

Pengarah urusan MAS Datuk Md Nor Yusof baru-baru ini mengumumkan bahawa MAS akan menjual harta-hartanya dan pesawat udara kepada kerajaan melalui satu aturan pajakan semula.

"Sesetengah aset akan dijual, dan kami akan meminjamnya daripada beberapa sumber. Kami mungkin menerbitkan bon-bon, ia semua bergantung (kerana) terdapat banyak cara mengumpul dana. Itu bukan satu masalah kepada kita," kata beliau pada sidang akhbar selepas melancarkan Dewan Muda, majlis perniagaan belia Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Selain itu, katanya "Malaysia mempunyai penarafan kredit yang baik. Jadi kita boleh mengumpul wang bila-bila masa."

MAS akan mencadangkan supaya mengumpul dana berjumlah RM3.9 bilion melalui cadangan penjualan dan pajakan semula pesawat udara dan RM2.2 bilion daripada jualan dan pajakan semula beberapa harga kumpulan MAS.

Di bawah janji niaga baru itu, MAS akan menjual lima buah pesawat udara baru (sebuah telahpun diserahkan pada Disember 2001 dan selebihnya di antara sekarang dan Mei) dan tiga buah lagi pesawat sedia adanya kepada Aircraft Business Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh MoF Inc untuk RM4.1 bilion.

Aturan itu juga termasuk MAS menjual bangunan ibu pejabatnya terletak di Jalan Sultan Ismail di sini dan beberapa hartanah lain untuk RM2.2 bilion tunai kepada satu lagi alat tujuan khas yang ditubuhkan oleh MoF Inc.

Dengan keseluruhan penerimaan tunai sebanyak RM6.1 bilion itu, MAS akan memperuntukkan RM1.58 bilion untuk membayar balik pinjaman, RM2.5 bilion untuk membiayai pembelian lima buah pesawat baru, RM1.3 bilion untuk melangsaikan pinjaman jangka pendek dan RM820 juta sebagai modal kerja.

MAS belum lagi menentukan nilai pelupusan anak syarikatnya yang menanggung kerugian, MAS Catering Sdn Bhd.

Md Nor telah berkata bahawa bagi suku ketiga berakhir 31 Dis 2001, syarikat penerbangan itu akan mencatatkan kerugian selanjutnya.

MAS, yang telah berada di dalam kerugian bagi separuh pertama berakhir 30 Sept 2001 dengan menanggung kerugian RM700 juta, menjangka kerugian bersih sebanyak RM1.5 bilion bagi tahun berakhir 31 Mac 2002.

-- BERNAMA

ER/MAD MR OS NAK